

## FATWA KEDUA PULUH

### HUKUM ZAKAT FITRAH KE ATAS ORANG TAHANAN DAN BANDUAN ISLAM DI INSTITUSI PENJARA

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-60 yang bersidang pada 23 Oktober 2003 telah membincangkan Hukum Zakat Fitrah Ke Atas Orang Tahanan dan Banduan Islam di Institusi Penjara. Muzakarah memutuskan bahawa ia adalah wajib sekiranya cukup syarat wajib zakat fitrah iaitu :

- a. Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
- b. Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenam matahari.
- c. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya.
- d. Seseorang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari akhir Ramadan.

#### LATAR BELAKANG

Persoalan tentang perkara ini telah ditimbulkan oleh Jabatan Penjara Malaysia yang menghadapi masalah untuk memutuskan hukum sama ada orang tahanan atau banduan wajib membayar zakat fitrah atau tidak bagi dirinya ataupun orang yang berada di bawah tanggungannya. Isu yang ditimbulkan oleh Jabatan Penjara Malaysia tentang zakat fitrah orang tahanan atau banduan ialah:

- a. Mereka ialah orang yang berada dalam tahanan.
- b. Kebanyakan mereka mempunyai pendapatan dan wang simpanan.
- c. Keperluan asas mereka termasuklah makan minum ditanggung oleh Jabatan Penjara Malaysia.

## HUJAH DAN DALIL

Zakat fitrah ialah zakat yang dikeluarkan atas sebab berlalunya bulan Ramadan. Ia dinamakan juga dengan *sadaqah al-fitrah* dan *zakat al-fitrah* yang bermaksud kembali kepada fitrah (asal kejadian). Hikmah kewajipannya kepada umat Islam adalah untuk membersihkan jiwa dan amalan.<sup>89</sup>

Zakat fitrah ialah zakat diri yang difardukan pada setiap individu muslim lelaki dan perempuan sama ada merdeka mahupun hamba. Dalam sebuah hadis disebutkan:

عَنْ أَبِنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَرِضَ زَكَاةَ الْفَطْرِ مِنْ رَمَضَانَ  
صَاعَ مِنْ شَعْرِ أَوْ صَاعَ مِنْ شَعْرٍ عَلَى كُلِّ حُرَّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ.<sup>90</sup>

Maksudnya:

Daripada Ibn Umar, bahawa Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah pada bulan Ramadhan ke atas manusia dengan mengeluarkan satu gantang kurma atau satu gantang *syair*<sup>91</sup> ke atas setiap orang merdeka atau hamba lelaki atau perempuan yang terdiri daripada orang Islam.

Syarat wajib ke atas orang Islam mengeluarkan zakat fitrah untuk diri dan keluarga atau tanggungan ialah:

- a. Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
- b. Anak yang lahir sebelum matahari terbenam pada hari terakhir bulan Ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari.<sup>92</sup>
- c. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan dan berkekalan Islamnya.

<sup>89</sup> Al-Qaradhawi, Yusuf, *Fiqh al-Zakah*, jld.2, hlm. 917.

<sup>90</sup> Abu Daud Sulaiman bin al-Ashas al-Sajistani, *Sunan Abu Daud*, Bab kam yuaddi fi sadakah al-fitrah, no.hadis 1613, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.th, jld.2, hlm.26. Berkata al-Albani, hadis ini adalah sahih.

<sup>91</sup> Sejenis biji-bijian seumpama barli.

<sup>92</sup> Permulaan satu Syawal yang bermula dari terbenamnya matahari pada akhir Ramadhan.

- d. Seseorang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari akhir Ramadan.<sup>93</sup>

Merujuk kepada hujah di atas, maka dapat disimpulkan bahawa setiap banduan atau orang tahanan, wajib mengeluarkan zakat fitrah sekiranya memenuhi syarat-syaratnya.

---

<sup>93</sup> Buku panduan zakat di Malaysia, Jakim, hlm.8.